

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
DANA BANTUAN KASIH NIAGA
BAGI RAKYAT NEGERI MELAKA**

Tujuan

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan Dana Bantuan Kasih Niaga untuk rakyat Negeri Melaka.

Latar Belakang

1. Dana ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri Melaka bagi membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan supaya lebih berdaya maju.

2. Dana Bantuan Kasih Niaga ini adalah sebagai galakan berniaga dan menyemarakkan budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat Negeri Melaka yang berjumlah satu juta ringgit (RM1,000,000.00.)

3. Dana ini akan memberi manfaat kepada 1000 orang usahawan atau lebih dengan jumlah maksimum RM1,000.00.

Syarat-syarat Kelayakan Pemohon

1. Warganegara Malaysia

2. Perniagaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon dan perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) / Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) / Sijil Amalam Profesional daripada Badan-Badan Pengiktiraf dan masih sah tempoh.

3. Mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (bagi penjaja atau peniaga kecil)

4. Perniagaan **beroperasi dan beralamat di Negeri Melaka**

5. Perniagaan adalah Mikro (Jualan tahunan kurang RM50,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang).

6. Perniagaan dijalankan secara sepenuh masa

Jenis Kelayakan Perniagaan

Semua jenis perniagaan adalah layak memohon **KECUALI**;

1. Perkhidmatan insurans / perkhidmatan pengangkutan / sewaan kenderaan / homestay

2. Institusi kewangan / pinjaman wang
3. Multi-level Marketing (MLM)
4. Ejen jualan / wakil penjual / dropship
5. Perniagaan nombor ramalan / minuman keras / rokok / rokok elektronik

Maklumat Asas Pembiayaan

1. Penyaluran pembiayaan adalah secara geran berjumlah RM1,000.00 bagi setiap pemohon. Komponen pembiayaan yang boleh dipohon:

- (i) Pembelian Mesin dan Peralatan Perniagaan
- (ii) Khidmat Rundingan Pembangunan Produk
- (iii) Promosi dan Pemasaran
- (iv) Pembelian Bahan Mentah
- (v) Modal Kerja

2. Bagi tujuan pembekalan butiran pembiayaan (i), (ii) dan (iii), pemohon perlu mengemukakan satu (1) sebut harga.

3. Pembiayaan bagi tujuan Modal Kerja dan Bahan Mentah meliputi sewaan premis serta bil utiliti perniagaan.

Syarat-syarat Dokumen Sokongan

1. Salinan Kad Pengenalan

- Milik pemohon dan jelas.
- Telah disahkan oleh Pegawai yang layak.

(Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JPKK)

2. Gambar Pemohon Berukuran Passport

3. Salinan Lesen Perniagaan atau Pendaftaran SSM (Mana yang Berkaitan)

a) Lesen Perniagaan

- Atas nama pemohon atau nama rakan kongsi pemohon.
- Masih sah tempoh.
- Setiap helaian telah disahkan oleh Pegawai yang layak. *(Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JPKK)*

b) Pendaftaran SSM

- Muka hadapan
- Maklumat Perniagaan
- Maklumat Pemilik
- Sah tempoh.
- Beralamat dan beroperasi di Negeri Melaka.
- Perniagaan yang bukan Pemilikan Tunggal perlu disertakan dengan surat persetujuan rakan kongsi.
- Setiap helaian telah disahkan oleh Pegawai yang layak. (*Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JPKK*)
- Permohonan mestilah berkaitan dengan kod bidang yang didaftarkan dengan SSM

4. Salinan Penyata Kewangan / Akaun Bank atau Penyata Pendapatan (Mana yang berkaitan)

a) Penyata Kewangan / Akaun Bank

- Penyata akaun perniagaan / syarikat pemohon atau akaun simpanan pemohon.
- Akaun mestilah milik pemohon dan mempunyai transaksi aktif yang membuktikan perniagaan pemohon beroperasi.
- Penyata yang dikeluarkan oleh bank atau penyata lengkap yang dimuat turun melalui perbankan *online*. (*Printscreen daripada 'transaction history' adalah tidak diterima*).
- Penyata yang dikeluarkan melalui kaunter bank perlu mendapat pengesahan dan cop pegawai bank.
- Tempoh penyata hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

b) Penyata Pendapatan

- Penyata pendapatan tahun 2019 dan 2020

5. Gambar Perniagaan

- Gambar yang membuktikan perniagaan yang dipohon beroperasi.
- Gambar hadapan premis.
- Gambar perniagaan yang sedang beroperasi.
- Pemohon yang beroperasi dari rumah atau secara *online* hendaklah memberikan *screenshot* Laman Web, Facebook, Instagram & Whatsapp yang boleh membuktikan perniagaan yang dijalankan.

6. Salinan Perjanjian Sewa

- Masih sah tempoh.
- Terpakai untuk permohonan yang melibatkan modal kerja (Bil & Sewa). Perlu disertakan bersama resit asal bayaran sewa dan bil.

- Bagi pembiayaan melibatkan sektor pertanian dan penternakan, pemohon perlu melampirkan salinan geran tanah dan surat kebenaran pemilik tanah jika tanah bukan milik pemohon.

7. Bil Utiliti / Resit Pembayaran

- Resit Asal (tahun semasa) perlu diserahkan sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan modal kerja dan bahan mentah.
- Resit hendaklah berkaitan dengan permohonan.

Proses Penilaian Permohonan

1. Pemohon perlu mengisi borang yang telah disediakan dengan lengkap.
2. Dokumen lengkap perlulah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah.
3. Pejabat Daerah dan Tanah akan menghantar dokumen tersebut ke UPEN untuk dimasukkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan.
4. Penilaian akan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan. Keahlian bagi Jawatankuasa kelulusan ini adalah seperti di **Lampiran B**.
5. Keputusan akan dikemukakan kepada pemohon mengikut carta alir seperti di **Lampiran 1**.

Pelaporan

Pemohon yang telah menerima Dana ini perlulah mengemukakan laporan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh penerimaan bayaran bagi tujuan pemantauan peningkatan perniagaan.

Pengesahan YB ADUN Kawasan

Pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada YB ADUN Kawasan sebelum mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

